

PENGENALAN SKIM PERAKUAN PENSIJILAN FITOSANITASI MALAYSIA (MPCA)

1. Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (MPCA)

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan, Jabatan Pertanian adalah bertanggungjawab dalam menguatkuasakan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167] dan Peraturan-Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 yang bertujuan menghalang kemasukan perosak dan membasmi perosak yang berada di dalam negara.

Skim Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (MPCA) telah diwujudkan oleh Jabatan Pertanian untuk memastikan semua peserta Skim MPCA menjalankan langkah-langkah fitosanitasi mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Skim ini bertujuan untuk memastikan peserta Skim MPCA patuh kepada syarat import dan mengamalkan pengurusan sistem kualiti pada setiap peringkat penghasilan produk termasuk di ladang dan di premis. Skim ini juga dapat menggalakkan penyertaan industri dan pemegang taruh dalam mengamalkan langkah-langkah fitosanitasi.

Berikut adalah faedah yang diperolehi oleh Peserta Skim MPCA:

- i. Menjalankan sendiri pemeriksaan pematuhan fitosanitasi bagi pengeluaran Sijil Fitosanitasi tanpa kehadiran Pegawai Pemeriksa Jabatan Pertanian;
- ii. Memudahkan perancangan aktiviti eksport tanpa terikat dengan jadual pemeriksaan Pegawai Pemeriksa Jabatan Pertanian;
- iii. Mengurangkan kos untuk mendapatkan Sijil Fitosanitasi.

Pengurusan Skim MPCA melibatkan beberapa pihak seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Induk Skim;
- ii. Jawatankuasa Teknikal Skim;
- iii. Ketua Pejabat Biosekuriti Tumbuhan Negeri;
- iv. Urus setia skim;
- v. Pegawai pembimbing; dan
- vi. Juruaudit.

2. Keperluan Skim MPCA

2.1 Tanggungjawab Pengurusan dan Organisasi

Peserta MPCA perlu memberi penekanan kepada kualiti, mempunyai organisasi yang terancang dan menetapkan tugas serta skop kerja mengikut matlamat pengurusan syarikat. Peserta MPCA perlu mempunyai pegawai kawalan kualiti bagi memastikan aktiviti di sepanjang rantai pengeluaran memenuhi keperluan sanitasi dan fitosanitasi.

Peserta MPCA hendaklah mengenalpasti keperluan latihan bagi setiap pekerja. Pekerja perlu menerima latihan berterusan berkaitan sanitasi, pegasanan perosak dan penyakit, kaedah pemeriksaan dan aspek-aspek lain yang berkenaan. Aktiviti latihan hendaklah direkodkan.

Peserta MPCA perlu mempunyai pelan audit dalaman yang digariskan supaya dapat mengkaji semula kecekapan prosedur dan mengesahkan pengurusan kawalan kualiti yang ditetapkan.

2.2 Sistem Kualiti

2.2.1 Kawalan Kualiti Bahan Mentah

Perolehan bahan mentah perlu memenuhi spesifikasi (merangkumi kriteria bebas perosak dan penyakit) dan prosedur (pemeriksaan, rawatan dan lain-lain) yang ditetapkan bagi kawalan kualiti bahan mentah dan perlu didokumentasikan. Prosedur yang ditetapkan perlu menyatakan :

- i) Kaedah pemeriksaan apabila bahan mentah diterima;
- ii) Kaedah persampelan;
- iii) Lokasi penerimaan;
- iv) Rawatan yang dijalankan (jika ada);
- v) Pekerja yang terlibat;
- vi) Aspek yang perlu dikawal; dan
- vii) Masa penerimaan.

2.2.2 Penyimpanan Bahan Mentah


Peserta Skim MPCA perlu mempunyai prosedur mengenai pengendalian, penyimpanan, dan kawalan bahan mentah untuk minimumkan risiko pencemaran perosak dan pencemaran silang dengan produk yang bersih.

2.2.3 Susun Atur Dalam Premis Pembungkusan/ Pemprosesan

Menyediakan pelan lantai kawasan utama dalam premis berserta lokasi peralatan utama bagi setiap proses. Contoh keperluan kawasan dalam pelan lantai bagi rumah pembungkusan:

- i) Kawasan menerima barang;
- ii) Kawasan pemilihan dan penggedan;
- iii) Kawasan rawatan;
- iv) Kawasan pemeriksaan akhir;
- v) Kawasan pembungkusan;
- vi) Kawasan penyimpanan (bagi bahan pembungkusan);
- vii) Kawasan penyimpanan sementara (bilik sejuk) sekiranya berkaitan; dan
- viii) Kawasan pemungghahan (loading bay).

Proses aliran kerja perlu bergerak sehalu untuk mengelak pencemaran silang. Contoh susun atur pelan lantai premis seperti yang ditunjukkan di bawah:




Gambarajah 1: Contoh Pelan Lantai Premis

Kawasan premis yang terlibat untuk pemrosesan, rawatan lepas tuai, pembungkusan dan penyimpanan perlu tertutup dan bebas perosak. Laluan masuk ke ruangan pemrosesan perlu dilengkapi dengan pintu berganda (*double door*) untuk premis bagi kategori rumah pembungkusan.

Pintu berganda dipasang bertujuan untuk mencegah kemasukan perosak. Selain itu, pintu bertabir seperti tirai jalur plastik atau tabir udara (*air curtain*) juga boleh dipasang. Saiz laluan perlu mencukupi bagi membolehkan pintu pertama ditutup sebelum produk disorong melewati pintu kedua.

Perangkap serangga elektrik perlu dipasang di laluan untuk menghapuskan mana-mana serangga yang berjaya memasuki laluan. Laluan masuk dan keluar perlu berada jauh antara satu sama lain.

Double Door Plan Sample



Catatan:

1. Pastikan arah masuk dan keluar adalah secara sehalu tanpa berpatah balik.
2. Laluan masuk dan keluar mengandungi 2 pintu (*double door*), atau halangan yang terbuka tidak serentak (menggunakan langsir plastik, sliding door dsbnya).
3. Pintu 1 dan Pintu 2 boleh tertutup secara automatik atau secara manual.
4. Struktur kalis serangga yang menggunakan jaring hendaklah menggunakan saiz jaring sekurang-kurangnya 32 mesh (ukuran bilangan lubang pada ukuran 1cm) dan ke atas. Manakala lebih baik menggunakan saiz 40 mesh untuk kawalan Thrips.

Gambarajah 2: Penerangan Contoh Pemasangan Pintu Berganda

2.2.4 Analisis Proses Pengeluaran

Setiap pengeluaran produk perlu dianalisis untuk mengenal pasti titik kawalan kritikal dalam proses untuk memastikan kualiti produk akhir dan memenuhi keperluan import

yang dikenakan oleh negara pengimport. Risiko dapat diminimumkan dengan mengikuti langkah-langkah di bawah:

- i. Mengenalpasti parameter kualiti (keperluan klien/negara pengimport);
- ii. Memeriksa semua proses, tentukan langkah-langkah terlibat dan sertakan carta aliran.
- iii. Mengenalpasti bahaya pada kualiti produk, contohnya, apa yang boleh berlaku dalam proses yang boleh menyebabkan kualiti produk merosot atau tidak lagi memenuhi spesifikasi.;
- iv. Menilai bahaya dan menafsir risiko (adakah bahaya risiko kecil, utama atau kritikal);
- v. Mengenalpasti titik kawalan kritikal yang mana untuk mengurangkan atau menghapuskan bahaya pada kualiti, sebagai contoh, langkah mana di dalam proses dimana bahaya mungkin berlaku;
- vi. Mewujudkan kawalan pada titik kawalan kritikal yang mungkin termasuk spesifikasi, prosedur, pemeriksaan dan penyimpanan rekod; dan
- vii. Mengenalpasti tindakan yang perlu diambil apabila ianya tidak menepati spesifikasi.

2.2.5 Pengenalpastian Produk dan Pengesanan

Mempunyai kaedah pengesanan (*traceability*) pada produk yang dikeluarkan melalui lot pengenalan atau sistem pengkodan dan rekod/ dokumen yang membolehkan pengesanan sumber.

2.2.6 Penolakan Produk

Mempunyai prosedur penolakan produk yang gagal semasa pemeriksaan. Kriteria penerimaan/ penolakan ditentukan sebelum ke proses selanjutnya. Mempunyai prosedur pengasingan dan pelupusan bagi produk yang mempunyai simptom atau tidak memenuhi spesifikasi.

2.2.7 Kawalan Produk Akhir

- i. Penyimpanan - Menyediakan prosedur penyimpanan termasuk pusingan stok, kawalan suhu, sistem pelabelan dan sistem lain untuk mengasingkan kategori produk siap yang berbeza.
- ii. Pelepasan - Menyediakan prosedur untuk menerima atau menolak produk merangkumi spesifikasi/ kriteria untuk penerimaan/ penolakan
- iii. Pengangkutan - Pengangkutan harus dapat melindungi produk dari perosak semasa penghantaran.

2.2.8 Pengurusan Perosak dan Sanitasi

i. Ladang

Mempunyai program pengurusan perosak yang dilaksanakan di ladang. Program ini termasuk sistem pengawasan seperti jenis alat pengawasan yang digunakan (perangkap pelekat kuning, umpan, jaring sauk dan lain-lain), pengumpulan dan pengenalpastian perosak dan data. Program juga mengenal pasti kaedah kawalan perosak termasuk jenis racun perosak yang digunakan, kadar penggunaan, kaedah penggunaan, bila dan di mana digunakan dan jenis perosak dijumpai.

ii. Produk

Mempunyai prosedur untuk memastikan semua produk adalah bebas perosak sebelum memasuki kawasan pembungkusan dengan menyatakan jenis kimia dan konsentrasi yang digunakan, bila dan di mana digunakan, nama dan jawatan orang yang bertanggungjawab untuk menyelia aktiviti.

iii. Kilang dan Rumah Pembungkusan

Program pengurusan perosak dijalankan bagi memantau perosak secara berkala di premis, sama ada dengan cara pemasangan perangkap lampu dan umpan racun. Premis perlu mempunyai prosedur tindakan yang diambil untuk mengawal perosak yang dijumpai dengan menyatakan kaedah kawalan yang perosak yang digunakan dan direkodkan.

Aktiviti pembersihan dan sanitasi di premis serta mesin pemprosesan dengan menyatakan kekerapan dan kaedah, spesifikasi detergen/bahan pembersih untuk memastikan tiada risiko serangan semula/serangan semasa dan selepas pemprosesan produk. Aktiviti ini meliputi penyingkiran bahan mentah/produk yang dijangkiti perosak untuk mengelak perosak daripada merebak ke kawasan lain.

iv. Pelupusan Sisa

Prosedur pelupusan sisa yang digunakan dalam premis perlu menyatakan kaedah pelupusan, kekerapan dan langkah pencegahan untuk mengelakkan pembiakan perosak. Tempat pelupusan sisa perlulah berjauhan dengan premis bagi mengelakkan kontaminasi dan mematuhi semua undang-undang yang berkuat kuasa.

2.2.9 Pematuhan Keperluan Fitosanitari Negara Pengimport

Prosedur berkaitan pemeriksaan dan ujian produk akhir untuk mengesahkan keperluan fitosanitasi telah mematuhi keperluan negara pengimport.

2.2.10 Penyediaan dokumentasi

Peserta Skim MPCA perlu menyediakan dokumen dan mengemaskini rekod seperti di bawah:

Bilangan	Tajuk Dokumen
1	Profail Syarikat
2	Sistem Pengurusan Kualiti (Spk)
3	Rekod Pembelian Racun
4	Senarai Peralatan Kawalan Perosak
5	Rekod Pemeriksaan Semasa Penerimaan
6	Rekod Penggunaan Bahan Tanaman
7	Senarai Peralatan, Alatan Bantuan Untuk Pemeriksaan & Pengenalan Perosak
8	Rekod Amalan Budaya
9	Rekod Pengawasan /Pemantauan Perosak
10	Rekod Penggunaan Racun Perosak
11	Rekod Pelupusan Sisa
12	Rekod Rawatan Lepas Tuai

13	Rekod Pemeriksaan Akhir
14	Rekod Ketidakpatuhan Dan Tindakan Pembetulan
15	Rekod Audit Dalaman
16	Rekod pekerja
17	Rekod Latihan dan kecekapan pekerja
18	Rekod Sanitasi premis/pengangkutan

3.0 Prosedur Tindakan Dan Hukuman Ketidakpatuhan Skim MPCA

3.1 Pengenalan

Tindakan dan hukuman ketidakpatuhan ditetapkan untuk memastikan segala keperluan skim dipatuhi sepanjang tempoh pensijilan. Hukuman ketidakpatuhan dikenakan dengan tujuan untuk memastikan peserta Skim memahami kesalahan yang telah dilakukan, menambahbaik prosidur yang sedia ada dan memastikan tidak berlaku kesilapan yang berulang.

3.2 Jenis Tindakan Dan Hukuman Ketidakpatuhan

Jenis tindakan dan hukuman ketidakpatuhan yang dikenakan bergantung kepada kesalahan yang dilakukan. Jenis-jenis tindakan dan hukuman ketidakpatuhan adalah seperti berikut:

- i. Amaran;
- ii. Gagal;
- iii. Keputusan ditangguhkan;
- iv. Penggantungan;
- v. Pembatalan pensijilan.

3.3 Lain - Lain Tindakan Atau Hukuman

Tindakan dan hukuman selain daripada yang dinyatakan boleh dikenakan kepada peserta Skim MPCA bergantung kepada penilaian Jawatankuasa Induk Skim. Jawatankuasa Induk Skim berhak mengenakan apa-apa tindakan atau hukuman yang bersesuaian.

Sebarang urusan mengenai MPCA, boleh hubungi :

Urus Setia Skim Perakuan Pensijilan Fitosanitasi Malaysia (MPCA)

Seksyen Akreditasi dan Fasilitasi Eksport

Bahagian Biosekuriti Tumbuhan

Jabatan Pertanian

Tingkat 1-3, Wisma Tani

Jalan Sultan Salahuddin

50632 Kuala Lumpur

No. Tel : 03-2030 1400 Faks : 03-2691 3530

e-mel : myskim@doa.gov.my